



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 23 Tahun 2023

**DASAR KELONGGARAN SYARAT BAGI TUJUAN
PENGAMBILAN PENSYARAH BIDANG BAHASA MODEN/
BAHASA KETIGA, AKADEMI PENGAJIAN BAHASA (APB)
DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan Dasar Kelonggaran Syarat bagi tujuan Pengambilan Pensyarah Bidang Bahasa Moden/ Bahasa Ketiga (Mandarin, Arab, Jepun, Perancis, Jerman, Korea dan Itali sahaja), Akademi Pengajian Bahasa (APB) di Universiti Teknologi MARA (UiTM).

LATAR BELAKANG

2. Pada masa ini, dasar dan prosedur pengambilan Pensyarah Bidang Bahasa Moden/ Bahasa Ketiga (Mandarin, Arab, Jepun, Perancis, Jerman, Korea dan Itali), APB di UiTM adalah berpandukan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 bertajuk Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia untuk Skim Perkhidmatan Pensyarah UiTM.
3. Selain itu, pihak Universiti juga tertakluk kepada dasar dan prosedur pengambilan Pensyarah yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan, Agensi Pusat dan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dari semasa ke semasa.

4. Berdasarkan Skim Perkhidmatan Pensyarah UiTM berkenaan, syarat-syarat utama pelantikan ke jawatan Pensyarah UiTM dalam bidang Bahasa Moden/ Ketiga yang sedang berkuatkuasa di UiTM, adalah seperti berikut:

BIL	SYARAT LANTIKAN	KELAYAKAN
1	Kelayakan Akademik	<p>ijazah sarjana muda dengan kepujian/ ijazah sarjana/ doktor falsafah (<i>PhD</i>) dalam bidang* berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.</p> <p>*Bidang bahasa sasaran yang berkenaan.</p>
2	Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)/ CGPA	<p>hendaklah memperolehi PNGK/ CGPA 3.00 ke atas bagi ijazah sarjana muda dengan kepujian.</p> <p>[syarat ini dikecualikan kepada calon yang telah memiliki <i>PhD</i>]</p>

ISU-ISU BERBANGKIT

5. Sejak tahun 2019, pihak Universiti mempunyai kesukaran untuk mendapatkan calon-calon yang memenuhi kelayakan akademik mengikut syarat-syarat Skim Perkhidmatan Pensyarah UiTM dan syarat Universiti bagi mengisi kekosongan jawatan Pensyarah bidang Bahasa Moden/ Bahasa Ketiga, APB.

6. Antara isu-isu yang dihadapi adalah kesukaran mendapatkan calon seperti berikut:

- (i) yang mempunyai ijazah sarjana muda dengan kepujian/ ijazah sarjana/ doktor falsafah (*PhD*) dalam bidang bahasa sasaran yang diiktiraf; dan
- (ii) yang memperolehi Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)/ CGPA 3.00 ke atas bagi ijazah sarjana muda dengan kepujian.

7. Isu-isu tersebut telah mengakibatkan pihak Universiti kehilangan waran perjawatan Pensyarah berkenaan kerana tidak berjaya mengisi kekosongan yang diluluskan oleh Agensi Pusat dalam tempoh yang ditetapkan.

KELONGGARAN SYARAT

8. Pihak Universiti melalui mesyuarat Majlis Sumber Manusia UiTM (MSM) Bilangan 71 pada 17 November 2022 telah bersetuju meluluskan Dasar Kelonggaran Syarat Pengambilan Pensyarah Bidang Bahasa Moden/ Bahasa Ketiga (Mandarin, Arab, Jepun, Perancis, Jerman, Korea dan Itali sahaja), APB di UiTM, seperti berikut:

BIL	PERKARA	KELAYAKAN	KELONGGARAN SYARAT
8.1	Syarat Kelayakan Akademik	<p>Calon hendaklah memiliki ijazah sarjana muda dengan kepujian/ ijazah sarjana/ doktor falsafah (<i>PhD</i>) dalam bidang* berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.</p> <p>*Bidang bahasa sasaran yang berkenaan.</p>	<p>Calon yang memiliki kelayakan berikut boleh memohon jawatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) ijazah sarjana muda dengan kepujian/ ijazah sarjana/ doktor falsafah (<i>PhD</i>) dari institusi pengajian tinggi negara penutur jati bahasa sasaran yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan (ii) Iulus <i>Language Proficiency Test (LPT)</i> (dalam bidang bahasa sasaran) yang diiktiraf oleh negara berkenaan dan disahkan oleh Dekan APB UiTM. <p>Contoh: Calon memiliki ijazah sarjana muda dengan kepujian/ sarjana kejuruteraan dari universiti di Jerman dan lulus dengan jayanya <i>LPT TestDaF (Test of German as a Foreign Language)</i> boleh memohon jawatan Pensyarah UiTM dalam Bidang Bahasa Jerman.</p>

BIL	PERKARA	KELAYAKAN	KELONGGARAN SYARAT
8.2	Syarat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)/ CGPA	Calon hendaklah memperolehi Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)/ CGPA 3.00 ke atas bagi ijazah sarjana muda dengan kepujian, dilonggarkan kepada purata gred 2.50 dan ke atas atau Kelas Kedua Bawah dan ke atas. [syarat ini dikecualikan kepada calon yang telah memiliki <i>PhD</i>]	Syarat PNGK/ CGPA 3.00 ke atas bagi ijazah sarjana muda dengan kepujian, dilonggarkan kepada purata gred 2.50 dan ke atas atau Kelas Kedua Bawah dan ke atas. [syarat ini dikecualikan kepada calon yang telah memiliki <i>PhD</i>]

9. Sijil kelulusan *Language Proficiency Test (LPT)* (dalam bidang bahasa sasaran) bagi setiap calon yang memohon jawatan hendaklah diiktiraf oleh negara berkenaan dan disahkan oleh Dekan APB UiTM. Senarai *LPT* yang diiktiraf adalah sebagaimana di Lampiran A.

10. Calon yang memenuhi kelonggaran syarat sebagaimana di Perkara 8.1 dan telah dikenalpasti sebagai Calon Berjaya dalam temu duga peringkat akhir di UiTM serta diperakukan bersyarat oleh MSM UiTM akan dikemukakan ke pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi dipertimbangkan kelonggaran syarat untuk tujuan pelantikan ke jawatan Pensyarah UiTM, secara kes mengikut kes (*case-by-case basis*).

11. Hanya calon yang telah diluluskan kelonggaran syarat oleh pihak JPA akan ditawarkan jawatan sebagai Pensyarah UiTM. Manakala, calon yang tidak mendapat kelulusan JPA, maka secara automatik akan diperakukan sebagai Calon Tidak Berjaya.

12. Calon yang memenuhi kelonggaran syarat sebagaimana di Perkara 8.2 dan telah dikenalpasti sebagai Calon Berjaya dalam temu duga peringkat akhir di UiTM akan diperakukan oleh MSM UiTM untuk tujuan pelantikan ke jawatan Pensyarah UiTM secara kes mengikut kes (*case-by-case basis*) dan tidak perlu dikemukakan kepada pihak JPA untuk permohonan kelonggaran syarat.

13. Walaupun terdapat dasar kelonggaran syarat ini, pihak Universiti menggesa semua pihak yang terlibat dalam proses pengambilan Pensyarah Bidang Bahasa Moden/ Bahasa Ketiga untuk mengenalpasti calon-calon yang memenuhi syarat-syarat Skim Perkhidmatan dan Universiti/ KPT yang berkuatkuasa sebagaimana yang telah ditetapkan.

14. Syarat-syarat lain yang berkuatkuasa adalah kekal digunakanai tanpa sebarang kelonggaran syarat bagi tujuan pelantikan ke jawatan Pensyarah UiTM.

PELAKSANAAN

15. Calon-calon jawatan Pensyarah secara Tetap/ Kontrak/ Sementara sama ada Warganegara atau Bukan Warganegara akan melalui proses pengambilan yang lengkap sebagaimana proses biasa, termasuk proses saringan, temu duga, ujian psikologi/ ujian berkaitan, perakuan MSM, kelulusan JPA (untuk pertimbangan kelonggaran syarat bagi calon yang terlibat), penawaran jawatan, lapor diri dan lain-lain.
16. Manakala calon-calon jawatan Pensyarah secara Separuh Masa Sepenuh Masa (*Part Time Full Time – PTFT*) akan melalui proses pengambilan yang lengkap sebagaimana yang termaktub dalam Pekeliling Akademik UiTM Bilangan 9 Tahun 2018, termasuk proses saringan, temu duga, kelulusan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) [termasuk untuk pertimbangan kelonggaran syarat bagi calon yang terlibat], penawaran jawatan, lapor diri dan lain-lain.
17. Kuasa pertimbangan kelonggaran syarat bagi tujuan pelantikan Pensyarah *PTFT* diberikan kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) kerana pelantikan berkenaan tidak memberikan implikasi ke atas persaraan atau pengurusan perkhidmatan calon berkenaan dan sekiranya calon berkenaan memohon jawatan Pensyarah secara Tetap/ Kontrak/ Sementara dalam bidang Bahasa Moden/ Bahasa Ketiga kelak, maka perlu melalui proses pengambilan yang lengkap serta permohonan kelonggaran syarat di peringkat UiTM dan JPA.
18. Carta alir proses pengambilan Pensyarah Bahasa Moden/ Ketiga APB UiTM adalah sebagaimana di Lampiran B.

PEMANTAPAN KOMPETENSI

19. Berikut antara usaha yang boleh dilaksanakan di peringkat APB/ Kolej Pengajian/ Fakulti/ Kampus Cawangan untuk memantapkan lagi kompetensi calon-calon bukan dalam bidang bahasa yang dilantik kelak bagi memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran terjamin:

- 19.1 Satu modul "*In-House Training*" boleh dibentuk untuk digunakan bagi melatih staf terlibat menjalani latihan Teknik Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) Bahasa, di mana tenaga pengajar adalah terdiri daripada pakar dalam bidang P&P di APB/ Kolej Pengajian/ Fakulti/ Kampus Cawangan sendiri;
- 19.2 Pemantauan berterusan di peringkat APB/ Kolej Pengajian/ Fakulti/ Kampus Cawangan melalui PROPENS;
- 19.3 Memantapkan sistem Mentor-Mentee di antara pensyarah penutur jati dengan pensyarah berpengalaman di APB/ Kolej Pengajian/ Fakulti/ Kampus Cawangan; dan/ atau
- 19.4 Usaha-usaha lain yang difikirkan relevan dan bersesuaian oleh pihak APB/ Kolej Pengajian/ Fakulti/ Kampus Cawangan.

PEMAKAIAN

20. Dasar ini terpakai untuk tujuan pengambilan Pensyarah Tetap/ Kontrak/ Sementara, sama ada Warganegara atau Bukan Warganegara dan Pensyarah Separuh Masa Sepenuh Masa (*Part Time Full Time – PTFT*) bagi bidang Bahasa Moden/ Bahasa Ketiga (Bahasa Mandarin, Arab, Jepun, Perancis, Jerman, Korea dan Itali sahaja) di seluruh sistem UiTM.

TARIKH DIKELUARKAN

21. Dasar ini dikeluarkan pada 1 April 2023.

TARIKH KUATKUASA

22. Dasar ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2023.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(HAJI MUHAMAD NIZAM BIN NOORDIN)

Pendaftar

Universiti Teknologi MARA

Dikelilingkan Kepada:

Semua Rektor-Rektor UiTM Cawangan
Semua Penolong Naib Canselor Kolej Pengajian
Semua Dekan/ Fakulti/ Akademi/ Institut
Semua Ketua Jabatan/ Bahagian/ Pusat/ Unit
Universiti Teknologi MARA

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No. Siri : 100-BPD(Bil.23/2023)

LAMPIRAN A

**SENARAI LANGUAGE PROFICIENCY TEST (LPT)
YANG DIIKTIRAF OLEH NEGARA BAHASA SASARAN
DAN DEKAN AKADEMI PENGAJIAN BAHASA (APB)**

BIL	LPT*	BAHASA SASARAN
1	<i>TOAFL – Testing of Arabic as Foreign Language</i>	Arab
2	<i>CELI - Certificato di Conoscenza della Lingua Italiana (Certificate of Knowledge of Italian Language)</i>	Itali
3	<i>JLPT - Japanese Language Proficiency Test</i>	Jepun
4	<i>TestDaF - Test Deutsch als Fremdsprache (Test of German as a Foreign Language)</i>	Jerman
5	<i>KLAT - Korean Language Ability Test</i>	Korea
6	<i>TOPIK - Test of Proficiency in Korean</i>	Korea
7	<i>HSK - Hanyu Shuiping Kaoshi (Chinese Proficiency Test)</i>	Mandarin
8	<i>DELF - Diplôme d'études en langue française (Diploma in French Language Studies)</i>	Perancis
9	<i>DALF - Diplôme approfondi de langue française (Diploma in Advanced French Language)</i>	Perancis
10	<i>LPT lain yang diiktiraf oleh negara berkenaan dan disahkan oleh Dekan Akademi Pengajian Bahasa UiTM</i> ⋮	Arab/ Itali/ Jepun/ Jerman/ Korea/ Mandarin/ Perancis

* Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa



CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN KELONGGARAN SYARAT PENGAMBILAN PENSYARAH BAHASA MODEN/ BAHASA KETIGA

